
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JKE 312 – Makroekonomi 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan Bahagian A dan B. Jawapan hendaklah dibuat pada ruang yang disediakan di atas buku soalan ini.

Pilih DUA soalan Bahagian C. Jawapan Bahagian C hendaklah dibuat di atas buku jawapan.

SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALAN INI BESERTA BUKU JAWAPAN MASING-MASING.

JANGAN DICERAIKAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA KERTAS SOALAN INI. JIKA TERDAPAT MANA-MANA MUKA SURAT YANG HILANG, MARKAH AKAN DIPOTONG.

IKAT KEDUA-DUA BUKU SOALAN DAN BUKU JAWAPAN ANDA.

...2/-

BAHAGIAN A: (Soalan 1)

[30 markah]

Hitamkan jawapan anda pada borang jawapan yang disediakan di akhir bahagian ini.

1. Yang manakah daripada berikut TIDAK berkaitan dengan Hipotesis Pendapatan Mutlak?
 - A. Penggunaan adalah fungsi pendapatan boleh guna.
 - B. Fungsi penggunaan adalah $C = a + cY$.
 - C. apc sentiasa lebih kecil daripada mpc .
 - D. Hipotesis ini menggambarkan fungsi penggunaan jangka pendek.
 - E. $mpc = 1 - mps$.


2. Hipotesis pendapatan tetap menerangkan
 - A. bagaimana individu mengagihkan sumber pendapatan mereka bagi memastikan penggunaan yang stabil sepanjang hidup mereka.
 - B. bagaimana individu merancang penggunaan berdasarkan jangkaan pendapatan yang akan diperolehi sepanjang hidup mereka.
 - C. bagaimana corak penggunaan individu bergantung kepada perubahan pendapatan yang mereka perolehi.
 - D. bagaimana perubahan pendapatan mempengaruhi perubahan dalam penggunaan individu.
 - E. hubung kait antara pendapatan transitori dan pendapatan semasa

3. Yang manakah daripada berikut TIDAK tepat berhubung dengan hipotesis edaran hayat (HEH)?
 - A. HEH mengandaikan individu tidak mewariskan harta untuk generasi berikutnya.
 - B. HEH mengandaikan individu mewariskan harta untuk generasi berikutnya.
 - C. HEH mengandaikan individu membayar balik hutang (makan tabungan) yang berlaku dari masa lahir hingga tempuh ia mula bekerja.
 - D. HEH mengandaikan individu berusaha agar corak penggunaan adalah stabil sepanjang hayat mereka.
 - E. HEH mengandaikan jumlah tabungan yang berjaya dilakukan sepanjang tempoh bekerja berjaya menampung makan tabungan sebelum bekerja dan selepas bersara.

...3/-

4. Yang manakah daripada berikut TIDAK benar?
- A. Kesan pelaburan ke atas pendapatan negara bergantung kepada saiz pengganda pelaburan.
 - B. Prinsip pencepat menerangkan kesan ke atas output akibat penambahan satu unit modal.
 - C. Prinsip pencepat bergantung kepada nisbah $K : Y$.
 - D. Prinsip pencepat bergantung kepada nisbah perubahan pelaburan kepada perubahan output.
 - E. Pengganda pelaburan terangsang ialah $1/(1-mpc)$.
5. Pengurangan kadar cukai persendirian akan meningkatkan insentif kerja. Manakah daripada pilihan berikut TIDAK berkait dengan kenyataan ini.
- A. Menjadi asas pemikiran di kalangan ahli-ahli ekonomi sudut penawaran.
 - B. Menjadi asas pemikiran di kalangan ahli-ahli ekonomi klasikal baru.
 - C. Dikaitkan dengan Arthur Laffer.
 - D. Diwakili dengan apa yang dikenali sebagai Keluk Laffer.
 - E. Peningkatan insentif kerja tersebut akan meningkatkan hasil cukai yang dipungut kerajaan.
6. Keluk Philips jangka panjang (LRPC) mewakili setiap satu daripada berikut KECUALI
- A. Keluk kemungkinan pengeluaran.
 - B. Garis output potensi.
 - C. Garis output jangka panjang.
 - D. Keluk penawaran jangka panjang.
 - E. Kadar pengangguran semula jadi.
7. Yang manakah daripada berikut menggambarkan pengangguran sukarela?
- A. Pengangguran yang berlaku semasa pasaran buruh berada dalam keseimbangan.
 - B. Berlaku kesan penambahan penawaran buruh didorong oleh daya tarikan upah semasa pasaran buruh berada dalam keadaan keseimbangan.
 - C. Berkaitan dengan lebih penawaran dalam pasaran buruh.
 - D. Di kenali juga sebagai kadar pengangguran semula jadi.
 - E. Berkait rapat dengan konsep *non-accelerating inflation rate of unemployment* (NAIRU).

8. Yang manakah daripada berikut paling tepat menggambarkan keluk penawaran agregat jangka pendek (SRAS).
- A. Ia menggambarkan jumlah output yang mampu dikeluarkan oleh sesebuah negara pada tingkat upah tertentu.
 - B. Ia menggambarkan jumlah output yang mampu dikeluarkan oleh sesebuah negara pada tingkat upah tertentu berdasarkan penggunaan faktor-faktor pengeluaran yang dimiliki oleh negara tersebut.
 - C. Ia diwakili oleh satu garis tegak disebabkan penawaran buruh yang malar.
 - D. Hanya wujud dalam analisis Keynesian.
 - E. Menyebabkan berlakunya kesan himpitan.
9. Yang manakah daripada berikut adalah benar.
- A. Dasar fiskal berkembang bermaksud penambahan perbelanjaan kerajaan serta cukai
 - B. Dasar fiskal berkembang bermaksud pengurangan perbelanjaan kerajaan serta cukai.
 - C. Dasar fiskal berkembang bermaksud pengurangan perbelanjaan kerajaan dan penambahan cukai.
 - D. Dasar fiskal berkembang bermaksud penambahan perbelanjaan kerajaan serta pengurangan cukai.
 - E. Dasar fiskal berkembang bermaksud campur tangan kerajaan.
10. Perhatikan rajah berikut.




Kejatuhan permintaan menghasilkan lebih penawaran sebesar L_1L_0 . Jarak L_1L_0 merujuk kepada _____

...5/-

- A. jurang inflasi.
 - B. jurang deflasi.
 - C. pengangguran.
 - D. gunatenaga.
 - E. pasaran buruh.
11. Yang manakah daripada berikut TIDAK merujuk kepada ekonomi dalam keadaan gunatenaga penuh.
- A. Penawaran buruh adalah malar.
 - B. Keluk penawaran diwakili oleh LRAS.
 - C. Perubahan permintaan agregat akan menyebabkan berlaku kesan himpitan penuh.
 - D. Perubahan permintaan agregat akan menyebabkan berlaku kesan himpitan separa.
 - E. Dasar fiskal tidak berkesan dalam mempengaruhi tingkat kegiatan ekonomi.
12. Keluk penawaran agregat jangka pendek (SRAS) bercerun positif kerana
- A. dalam jangka pendek, kuantiti output yang dibekalkan bergantung kepada kuantiti modal yang dimiliki oleh ekonomi.
 - B. dalam jangka pendek, kuantiti output yang dibekalkan bergantung kepada kuantiti buruh yang dimiliki oleh ekonomi.
 - C. dalam jangka pendek, kuantiti output yang dibekalkan bergantung kepada tahap teknologi yang dimiliki oleh ekonomi.
 - D. dalam jangka pendek, kuantiti output yang dibekalkan bergantung kepada tahap harga barangan yang dikeluarkan.
 - E. dalam jangka pendek, ekonomi sudah berada dalam keadaan guna tenaga penuh.
13. Keluk penawaran agregat jangka panjang (LRAS) berada tegak pada paras output potensi disebabkan faktor-faktor berikut KECUALI
- A. dalam jangka panjang, kuantiti output yang dibekalkan bergantung kepada kuantiti modal yang dimiliki oleh ekonomi.
 - B. dalam jangka panjang, kuantiti output yang dibekalkan bergantung kepada kuantiti buruh yang dimiliki oleh ekonomi.
 - C. dalam jangka panjang, kuantiti output yang dibekalkan bergantung kepada tahap teknologi yang dimiliki oleh ekonomi.
 - D. dalam jangka panjang, kuantiti output yang dibekalkan bergantung kepada tahap harga barangan yang dikeluarkan.
 - E. dalam jangka panjang, ekonomi sudah berada dalam keadaan guna tenaga penuh.

...6/-

14. Pengurangan permintaan agregat dalam jangka pendek menyebabkan semua daripada berikut KECUALI
- A. pengurangan output.
 - B. pengangguran sementara.
 - C. pengurangan harga.
 - D. keseimbangan berada pada paras guna tenaga penuh.
 - E. keseimbangan berada di bawah daripada tahap guna tenaga penuh.
15. Yang manakah daripada berikut SALAH berhubung dengan bekalan/penawaran wang dalam ekonomi?
- A. Bekalan wang ditentukan oleh bank pusat.
 - B. Keluk penawaran wang bercerun positif
 - C. Keluk penawaran wang bersifat tidak anjal sempurna.
 - D. Bekalan wang merupakan alat dasar kewangan.
 - E. Kawalan bekalan wang boleh dilakukan melalui kawalan rizab berkanun.
16. Manakah daripada berikut menjelaskan hukum Okun?
- A. Hukum Okun menyebut bahawa pertambahan pengangguran sebanyak 1% akan mengurangkan KDNK sebanyak 2%.
 - B. Hukum Okun menyebut bahawa pertambahan pengangguran sebanyak 1% akan menambah KDNK sebanyak 2%.
 - C. Hukum Okun menyebut bahawa pengurangan pengangguran sebanyak 1% akan mengurangkan KDNK sebanyak 2%
 - D. Hukum Okun menjelaskan hubungan inflasi dan pengangguran.
 - E. Hukum Okun menjelaskan hubungan kadar pengangguran dan keluaran negara.
17. Perhatikan rajah berikut.



...7/-

Andaikan ekonomi dalam keadaan gunatenaga penuh. Kenaikan upah menyebabkan keseimbangan bergerak


- A. dari e ke e_1
 - B. dari e ke e_2
 - C. dari e ke e_3
 - D. dari e_1 ke e_2
 - E. dari e_2 ke e_3
18. Yang manakah daripada berikut mengurangkan bekalan wang?
- A. bank pusat mencetak wang baru
 - B. bank pusat mengurangkan nisbah rezab
 - C. kerajaan membeli bon di pasaran
 - D. kerajaan menjual bon di pasaran
 - E. bank pusat mengurangkan kadar bunga
19. Diberi $\frac{\Delta P}{P} = \frac{\Delta M}{M} + \frac{\Delta V}{V} - \frac{\Delta Y}{Y}$. Jika bekalan wang meningkat 8%, pendapatan meningkat 3%, berapakah kadar inflasi?
- A. 3
 - B. 4
 - C. 5
 - D. 6
 - E. 8
20. Manakah yang paling tepat bagi menjelaskan Teori Pelaburan Tobin-Q?
- A. Kemampuan pembiayaan pelaburan melalui penjualan saham bergantung kepada ratio nilai pasaran firma berbanding kos penggantian modal
 - B. Pembiayaan pelaburan dilakukan melalui pinjaman dan penggunaan dana terkumpul.
 - C. Pelaburan dilakukan bagi menggantikan barangan modal yang lupus.
 - D. Firma akan menambah penggunaan modal sehingga nilai keluaran marginal modal sama dengan kos penggunaan modal
 - E. Kos penggunaan modal bergantung kepada kadar bunga dan susut-nilai.

Soalan 21-30 hanya mempunyai dua pilihan.

21. Bekalan wang benar merujuk kepada kuasa beli wang.
- A. Betul
 - B. Salah
22. Pada pandangan ahli ekonomi klasikal, keluk penawaran agregat bersifat anjal sempurna.
- A. Betul
 - B. Salah

...8/-


23. Dalam model IS-LM, perubahan harga akan menghasilkan keluk permintaan agregat bercerun negatif.
 - A. Betul
 - B. Salah
24. Dalam keseimbangan, persilangan keluk AD dan SRAS berlaku pada tahap output potensi ekonomi.
 - A. Betul
 - B. Salah
25. Pada pandangan ahli-ahli ekonomi Keynesian, inflasi adalah fenomena wang semata-mata.
 - A. Betul
 - B. Salah
26. Kadar pengangguran semula jadi merupakan kadar pengangguran yang ujud apabila ekonomi berada dalam keadaan guna tenaga penuh.
 - A. Betul
 - B. Salah
27. Output potensi merujuk kepada kemampuan ekonomi mengeluarkan output berdasarkan tahap teknologi dan faktor-faktor pengeluaran sedia ada.
 - A. Betul
 - B. Salah
28. Perhatikan rajah berikut.



Pergerakan keluk AD adalah disebabkan perubahan harga.

- A. Betul
- B. Salah

29. Perhatikan rajah berikut.



Peningkatan hasil cukai kesan daripada peningkatan pendapatan membolehkan kerajaan menghapuskan defisit dalam belanjawan.

- A. Betul B. Salah

30. Di dalam teori pertumbuhan klasik, faktor utama yang mempengaruhi ratio modal-buruh ialah tabungan negara yang terdiri daripada tabungan awam dan tabungan swasta.

- A. Betul B. Salah

...10/-

BORANG JAWAPAN BAHAGIAN A

- | | | | | | |
|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| 1. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 2. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 3. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 4. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 5. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 6. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 7. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 8. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 9. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 10. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 11. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 12. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 13. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 14. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 15. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 16. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 17. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 18. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 19. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 20. | (A) | (B) | (C) | (D) | (E) |
| 21. | (A) | (B) | | | |
| 22. | (A) | (B) | | | |
| 23. | (A) | (B) | | | |
| 24. | (A) | (B) | | | |
| 25. | (A) | (B) | | | |
| 26. | (A) | (B) | | | |
| 27. | (A) | (B) | | | |
| 28. | (A) | (B) | | | |
| 29. | (A) | (B) | | | |
| 30. | (A) | (B) | | | |

Bahagian B (Soalan 2)**[30 markah]**

<p>a. Senaraikan dua faktor yang akan meningkatkan bekalan wang benar <i>2 markah</i> (W/P) – tidak perlu huraian.</p>
<p>b. Berikan definisi penganggur. <i>3 markah</i></p>
<p>c. Menggunakan rajah, bezakan hubungan pendapatan dan <i>3 markah</i> penggunaan (andaikan fungsi penggunaan jangka pendek)</p>

...12/-

d. Apakah bentuk hubungan yang wujud ANTARA penggunaan tetap dan penggunaan transitori DENGAN pendapatan tetap dan pendapatan transitori? 4 markah

e. Jika $C = a + cY$ dan $I = I + bY$, terbitkan pengganda pelaburan. 3 markah

f. Kira MP dan VMP untuk jadual berikut. 3 markah

Bilangan modal yang diguna	Jumlah Hasil	Keluaran Marginal (MP)	Nilai Keluaran Marginal, VMP (andaikan P = 8)
1	1000		
	}		
2	1100	_____	_____
	}		
3	1180	_____	_____
	}		
4	1245	_____	_____

g Apakah yang anda faham dengan Keluk Laffer. 4 markah

h Apakah yang digambarkan oleh keluk penawaran agregat? 3 markah

i Perhatikan jadual berikut. 2 markah

Kategori Barangan	Wajaran	Harga		Harga Berpemberat (harga x wajaran)	
		1990	2000	1990	2000
0 Makanan	33.8	3.50	4.50	118.3	152.1
1 Minuman	3.1	0.80	1.00	2.48	3.1
2 Pakaian	3.4	30.30	37.00	103.02	125.8
3 Sewa	22.4	450.00	540.00	10080	12096
4 Perabut	5.3	250.00	320.00	1325	1696
5 Perubatan	1.8	50.00	75.00	90	135
6 Pengangkutan	18.8	50.00	80.00	940	1504
7 Rekreasi	5.9	30.00	50.00	177	295
8 Lain-lain	5.5	15.00	25.00	82.5	137.5
				<u>12918.3</u>	<u>16144.5</u>
				100.00	

Kira kadar inflasi pada tahun 2000

...14/-


<i>j</i>	Apakah yang dimaksudkan dengan mengwangkan hutang?	<i>3 markah</i>
----------	--	-----------------

BAHAGIAN C

[40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja.

3. a. Teori penggunaan mutlak (Keynes) menggambarkan fungsi penggunaan jangka pendek manakala teori penggunaan relatif (Duesenberry) menggambarkan fungsi penggunaan jangka panjang. Bincangkan pernyataan tersebut. [10 markah]
- b. Bincangkan jenis-jenis kos yang terpaksa ditanggung oleh firma dalam mempertimbangkan keputusan pelaburan. [10 markah]
4. a. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan keluk permintaan agregat, AD, bercerun negatif. [8 markah]
- b. Terangkan dengan ringkas kesamaan Ricardo-Barro dalam menjelaskan kesan potongan cukai bagi membiayai defisit dalam belanjawan negara. [6 markah]
- c. Dalam konteks $T - G = I - S + NX$, jelaskan bagaimanakah pembiayaan defisit dilakukan. [6 markah]
5. a. Berdasarkan rajah berikut, bagaimanakah anda menjelaskan keujudan Keluk Philips. [10 markah]



- b. Bagaimanakah ahli-ahli ekonomi monetaris menjelaskan hubungan output-inflasi dalam jangka pendek. [10 markah]
- [Panduan: i. $\Delta M/M + \Delta V/V = \Delta P/P + \Delta Y/Y$
 ii. hubungan harga dan upah serta upah benar
 iii. peranan kesatuan sekerja dan tindak-balas majikan]

